

UiTM tegah pelajar sebar risalah berunsur politik

KH 27/08/2003

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) memberi amaran kepada pelajarinya agar tidak menyebarkan sebarang risalah berunsurkan politik atau membawa masuk ahli parti ke dalam kampus menjelang pemilihan ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) universiti itu pada 4 September ini.

Naib Canselornya, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah, berkata ini kerana Bahagian Keselamatan UiTM menahan seorang ahli parti pembangkang di Kampus Shah Alam yang menyebarkan risalah berbentuk antikerajaan, minggu lalu.

Beliau berkata, kampus universiti adalah kawasan terkawal dan pegawai keselamatan mempunyai kuasa penuh menahan atau menyekat mana-mana individu memasukinya.

"Terdapat juga sebahagian pelajar yang cuba menyebarkan risalah antikerajaan di masjid UiTM dan saya memberi amaran kepada mereka



Dr Ibrahim Abu Shah

PILIHAN RAYA KAMPUS IPTA

agar tidak meneruskan kegiatan itu.

"Saya juga sudah mengarahkan semua dekan, Pengarah Kampus Cawangan dan Pengerua Kolej di seluruh negara memantau perkembangan ini, terutama menjelang pilihan raya



Dr Mohammad Alias

kampus minggu depan.

"Setakat ini, tiada kesalahan serius berkaitan politik kampus dan pihak universiti juga belum mengambil sebarang tindakan ke atas pelajar atau kakitangan UiTM yang cuba menanam semangat antikerajaan," katanya ketika ditemui *Berita Harian* di Bandar Baru Bangi, Selangor, kelmarin.

Pemilihan ahli MPP di 17 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh negara dijadual pada 4 September, manakala penamaan calon Sabtu ini.

Selain dalam kampus, Dr Ibrahim berkata, terdapat juga risalah antikerajaan disebarkan di masjid sekitar kampus UiTM yang ditujukan kepada pelajar universiti itu.

MPP UiTM kini diketuai pelajar Fakulti Perakaunan, Raja Restam Azrin Raja Jaafar, manakala Timbalan Yang Diper-



Dr Ahmad Kamal Idris

tua, Wan Ahmad Rahiman Wan Abdul Rahim.

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pula memaklumkan setakat ini tiada sebarang aktiviti kegiatan propembangkang dilaporkan sama ada di Kampus Skudai atau Kampus Kota Kuala Lumpur.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof Dr Ahmad Kamal Idris, berkata pelajar mengadakan kempen awal biasanya beberapa hari sebelum atau selepas penamaan calon.

Katanya, Pejabat Keselamatan dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar UTM sentiasa memantau perkembangan menjelang penamaan calon dan pemilihan MPP agar tidak berlaku sebarang kegiatan bersifat antikerajaan.

Yang Dipertua MPP UTM sekarang ialah pelajar Fakulti Ke-

juruteraan Elektrik, Mohd Shahr Abdullah, manakala timbalannya Siti Hawa Adila Mohd Yusof dan Bendahari, Mohd Afandi Abu.

Sementara itu, Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim) juga tidak mengesan sebarang kegiatan bersifat antikerajaan di kalangan kira-kira 1,100 pelajarinya.

Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Pembangunan), Prof Dr Mohammad Alias, berkata pemilihan MPP kolej universiti itu tahun ini dijangka berjalan lancar tanpa sebarang insiden seperti tahun lalu.

Katanya, Kuim mengenakan syarat ketat kepada pelajar yang ingin menjadi calon, terutama bagi memegang lima jawatan tertinggi MPP, iaitu Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Speaker, Setiausaha Agung dan Bendahari.

"Pelajar yang ingin menjadi calon bagi pemilihan MPP kali ini mesti mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif sekurang-kurangnya 3.0 dalam mana-mana semester.

"Kuim mahu pelajar cemerlang akademik mewakili pelajar kolej universiti ini kerana mereka adalah bakal pemimpin besar pada masa depan. Pelajar ini juga menjadi teladan kepada pelajar lain, selain tidak terbabit dalam sebarang kegiatan antikerajaan," katanya.

MPP Kuim kini diterajui Nisar Mohammad Ahmad dan timbalannya, Abdul Muhaimin Ahmad.